

MRT sambut baik keputusan kerajaan



KUALA LUMPUR 20 Jan. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), menyambut baik langkah kerajaan dalam penstrukturan semula Bajet 2015 bagi menyesaikannya dengan situasi ekonomi global semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, keputusan kerajaan untuk mengekalkan peruntukan sebanyak RM48.5 bilion bagi perbelanjaan pembangunan serta infrastruktur awam dilihat satu langkah yang betul bagi memastikan kesesuaian kepada rakyat Malaysia.

Katanya, pembinaan jajaran kedua projek Mass Rapid Transit (MRT) yang akan tetap diteruskan itu bakal menjadi tulang belakang kepada perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini.

"MRT Corp. berbesar hati dengan langkah yang diambil Perdana

Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam diteruskan.

"Dengan kepakaran serta sumber-sumber yang dimiliki MRT Corp., pembinaan jajaran kedua projek MRT ini adalah tepat pada masanya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Najib hari ini mengumumkan penambahsuaian dan intervensi untuk menghadapi senario ekonomi dunia.

Perdana Menteri berkata, perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan sebanyak RM48.5 bilion bagi tahun ini tidak berubah dan akan tetap dibelanjakan.

Menurut beliau, projek-projek bersifat ekonomi rakyat yang dilaksanakan termasuk perumahan rakyat, tebatan banjir, bekalan air, elektrik dan

Dengan kepakaran serta

sumber-sumber yang dimiliki MRT Corp.,

pembinaan jajaran kedua projek MRT ini adalah tepat pada masanya."

SHAHRI L MOKHTAR

**Ketua Pegawai Eksekutif
MRT Corp.**

infrastruktur pengangkutan awam.

Tambah Shahril, pembangunan infrastruktur yang berterusan adalah penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi serta tenaga kerja di negara ini.